

08 JUN 1999

MAHATHIR-BAKUN

KERAJAAN TERUSKAN PROJEK BAKUN DITERAJUI OLEH TNB, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan meneruskan projek hidroelektrik Bakun dengan Tenaga Nasional Bhd memainkan peranan utama dalam projek bernilai berbilion ringgit itu yang ditangguhkan berikutan kegawatan ekonomi pada 1997.

Dr Mahathir berkata dengan pemulihan ekonomi yang lebih awal, "terdapat keperluan untuk meneruskan projek itu kerana permintaan elektrik telah meningkat."

Bagaimanapun, "akan terdapat sedikit pengubahsuaian dalam projek mungkin ke arah loji kuasa yang bersaiz lebih kecil," katanya selepas merasmikan kongres tenaga yang boleh diperbaharui dunia, di sini, hari ini.

Apabila ditanya mengenai kos baru projek itu yang pada asalnya bernilai RM15.5 bilion, beliau berkata "ia akan mencapai kepada paras beberapa bilion ringgit" kerana nilai matawang (ringgit) telah menyusut tetapi kos akan berdaya maju."

Mengenai sama ada terdapat mana-mana pihak lain yang akan mengambil bahagian dalam projek itu selain Tenaga Nasional, beliau berkata sesiapa sahaja yang berminat boleh menyertainya.

Dr Mahathir, bagaimanapun, berkata kerajaan perlu terlebih dahulu menyelesaikan perkara itu dengan pemaju sebelumnya, Bakun Hydro-Electric Corporation (BHC).

Projek itu sejak Disember lalu telah diambil alih oleh Kementerian Kewangan Finance Inc (MOF Inc).

Beliau berkata sebaik sahaja projek itu diambil alih secara sah, pihak yang lain akan dipelawa menyertainya.

Apabila ditanya sama ada Tenaga Nasional akan bertanggungjawab penuh bagi projek itu, Dr Mahathir berkata ketika ini, ia akan berkongsi menanggungnya bersama kerajaan.

Mengenai berapa lama lagi kerajaan akan mengambilalih projek itu daripada pemaju sebelumnya, Perdana Menteri berkata: "Kalau boleh, saya berharap hari ini juga."

Beliau berkata negara sudah lama tidak membina loji kuasa kerana masalah kemelesetan.

"Unjuran kami adalah penggunaan elektrik akan menurun sepanjang tempoh kegawatan ekonomi, tetapi permintaan menjadi lebih tinggi daripada sebelum kemelesetan kerana pemulihan ekonomi yang lebih awal," katanya.

"Oleh itu, sudah pastinya kami perlu membina loji itu dengan segera," katanya.

Apabila ditanya sama ada Tenaga Nasional akan memegang 100 peratus bahagian dalam projek itu, beliau berkata ia akan dikongsi bersama kerajaan, "sebenarnya tidak hanya dijual kepada Tenaga Nasional sahaja."

Apabila ditanya berapa lama projek itu akan dapat disiapkan, beliau berkata, "untuk membina sesebuah loji kuasa hidro kemungkinan akan mengambil sedikit masa kerana ia membabitkan pembinaan empangan dan kemudahan lain."

Beliau berkata terdapat juga keperluan untuk memulakan projek Bakun kerana "kami berharap untuk menempatkan loji pelebur aluminium di kawasan itu dan loji tersebut memerlukan tenaga yang murah" di mana boleh dibekalkan daripada loji kuasa hidro.

Mengulas mengenai kos, beliau berkata "kos bergantung kepada skop projek, kami tidak menentukan skopnya lagi. Kami sebenarnya mahu membina loji kuasa 500-megawat tetapi terdapat kemungkinan ia akan lebih besar

lagi."

Apabila ditanya sama ada projek itu kini akan termasuk hubungan kabel bawah laut antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak, Dr Mahathir berkata mereka sedang memikirkan mengenai perkara itu."

"Kabel bawah laut membabitkan separuh daripada keseluruhan kos pembangunan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan merancang untuk membangunkan industri berintensifkan tenaga di Sabah dan Sarawak.

--BERNAMA

AR FR/MR ZK